

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Menjadi Pilihan Ibu Bapa Kaum Melayu

(Chinese National-Type Primary School (SJKC) Becomes the Choice of Malay Parent)

Siti Asiah Zulkifli^{1*}, Anuar Ahmad¹, Wan Muna¹

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: sitiasiahzulkifli@yahoo.com

Received: 25 January 2024 | Accepted: 10 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.37>

Abstrak: Sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) adalah sebuah sekolah vernakular yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar didalam pengajaran dan pembelajaran. Pada masa kini peratusan murid melayu yang bersekolah di SJKC semakin meningkat. Ini menunjukkan keterbukaan sikap ibu bapa menerima kepelbagaian budaya dalam pendidikan anak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa Melayu menghantar anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan. Kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bukan rawak yang melibatkan 100 orang ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Nilai iaitu SJKC Putra Nilai dan SJKC Kuo Min. Data dianalisis menggunakan perisian Statiscal Package for The Social Science (SPSS 29). Dapatan kajian mendapati faktor latar belakang ($min=2.78$ dan $sp=0.64$), faktor kelebihan SJKC ($min=4.25$ dan $sp=0.67$), faktor ekonomi ($min=3.29$ dan $sp=0.70$), faktor kemudahan sekolah ($min=4.13$ dan $sp=0.65$), faktor kebudayaan masyarakat ($min=4.20$ dan $sp=0.66$). Kesimpulan daripada dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi pemilihan ibu bapa pada tahap yang tinggi ialah faktor kelebihan SJKC, faktor kemudahan sekolah dan faktor kebudayaan masyarakat. Justeru itu, kajian ini menunjukkan pelbagai faktor yang mempengaruhi ibu bapa Melayu dalam memilih dan memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak seiring dengan globalisasi pada masa ini.

Kata Kunci: SJKC, Ibu Bapa, Faktor

Abstract: The Chinese National-Type Primary School (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina or SJKC) are vernacular schools that use the Chinese language as the medium of instruction in teaching and learning. In the current times, the percentage of Malay students attending Chinese National Type Schools (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina or SJKC) is increasing. This indicates a more open-minded attitude among parents in accepting cultural diversity in their children's education. The study aims to identify factors influencing the decision of Malay parents to send their children to SJKC. It is a quantitative descriptive study using a survey method with a non-random sampling technique involving 100 parents whose children attend SJKC in the Nilai district, specifically SJKC Putra Nilai and SJKC Kuo Min. The findings of the study indicate the following factors with their respective mean (min) and standard deviation (sp): background factors ($min=2.78$, $sp=0.64$), advantages of SJKC ($min=4.25$, $sp=0.67$), economic factors ($min=3.29$, $sp=0.70$), school facility factors ($min=4.13$, $sp=0.65$), cultural

community factors (min=4.20, sp=0.66), The study concludes that the factors influencing parents' choices at a high level are the advantages of SJKC, school facility factors, and cultural community factors. Therefore, the research suggests that Malay parents consider various factors when choosing and providing the best education for their children, aligning with the globalization trends of the present time.

Keywords: SJKC, Parent, Factor

1. Pendahuluan

Salah satu negara yang mengekalkan pendidikan berdasarkan kaum ialah Malaysia. Setiap kaum di Malaysia, termasuk Cina dan India, mempunyai hak untuk mengekalkan sistem pendidikan mereka yang unik. Sebelum kemerdekaan Malaysia, sistem pendidikan vernakular berorientasikan etnik telah wujud. Menurut Adam et al. (2021) sistem pendidikan vernakular menggunakan bahasa ibunda pelajar sebagai bahasa pengantar kaum atau masyarakat. Sistem pendidikan sekolah rendah mempunyai tiga jenis aliran iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pengajaran, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar pengajaran dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar pengajaran (Ngien Ming Ming & Ching Thing Ho, 2016). Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ditubuhkan di Malaysia dengan bermatlamat memberikan pendidikan bahasa Cina serta mengekalkan kebudayaan Cina kepada anak-anak migran Cina yang menetap di Malaysia. Walaupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantaran dalam pentadbiran dan pengajaran tetapi wajib mengikuti kurikulum kebangsaan dan mengambil semua peperiksaan rasmi kebangsaan. Kewujudan pelbagai jenis sekolah di Malaysia secara tidak langsung memberi pilihan kepada rakyat untuk memilih sekolah yang mereka inginkan untuk anak-anak (Gan & Faridah Mydin Kuty, 2023).

Di Malaysia, terdapat 7780 buah sekolah rendah, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Sementara itu, SJKC mempunyai 1298 sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pada tahun 2010, murid Melayu di SJKC adalah 9.15%, murid Cina adalah 88.15%, murid India adalah 1.67%, dan murid bukan Melayu adalah 1.02% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Peratusan murid Melayu di SJKC pada tahun 2020 adalah 15.33%, murid Cina adalah 80.25% dan peratusan murid India adalah 2.75%, disamping itu peratusan murid yang tidak dikenal pasti adalah 1.67% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Statistik ini telah menunjukkan berlaku peningkatan murid Melayu dan India di SJKC. Menurut Heng et al. (2021) kini Sekolah Jenis Kebangsaan Cina memainkan peranan dalam pendidikan pluralisme bagi memenuhi keperluan pelbagai kaum pelajar berikutan sambutan ibu bapa bukan Cina termasuk Melayu, India, Bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan dan Iban.

Kepesatan pembangunan telah mewujudkan trend belajar bahasa Cina sebagai bahasa asing yang kedua selepas bahasa Inggeris. Kelebihan menguasai lebih daripada satu bahasa serta berkemahiran dalam bidang aritmetik dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan daya saing pada masa hadapan adalah faktor yang mendorong ibu bapa bukan Cina menghantar anak ke SJKC (Tan, 2015; Tan & Ngu, 2017; Zeng, 2017; Heng, Neo & Chan, 2021). Selain daripada faktor perkahwinan campur dalam keluarga, faktor budaya di SJKC yang tegas mendisiplinkan murid, pengurusan dalam sistem pentadbiran yang sistematik, sikap pengajaran guru dan juga persekitaran pembelajaran menjadi dorongan kepada ibu bapa

(Tan, 2015). Malah, menurut Heng, Neo & Chan (2021) faktor lain yang mendorong ibu bapa menghantar anak ke SJKC ialah kualiti pendidikan di SJKC. Ibu bapa percaya disiplin di SJKC lebih baik, guru lebih rajin serta mudah memupuk sikap belajar anak-anak. Tambahan pula faktor sekolah SJKC mempunyai peraturan sekolah yang ketat serta sistem pentadbiran yang bersistematik. Selain itu, menurut (Ngien & Chin, 2016) infrastruktur dan kemudahan sekolah juga faktor kepada Bumiputera memilih SJKC kerana sekolah mempunyai peralatan yang lengkap dan kemudahan yang mencukupi. Menurut Liong et al. (2019) guru di SJKC menggunakan kaedah pengajaran yang lebih berkesan untuk menggalakkan interaksi antara murid yang datang dari pelbagai etnik. Ini bukan sahaja dapat merangsang pembelajaran persekitaran malah dapat memahami dan meningkatkan kemahiran bersosial dalam pelbagai kaum. Kajian ini mempunyai satu objektif yang perlu dicapai iaitu mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa Melayu menghantar anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

2. Sorotan Literatur

Pendidikan Cina di Malaysia telah berkembang dari zaman sebelum penjajahan British hingga selepas kemerdekaan. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ditubuhkan untuk memberikan pendidikan bahasa Cina kepada anak-anak migran Cina di negara ini bagi mengekalkan kebudayaan Cina. Perubahan ini telah menunjukkan peralihan daripada sekolah swasta dan percuma kepada perjuangan dan kelangsungan sekolah Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan (Tan et al. 2017). Kini peranan SJKC bukan lagi sebagai tempat sumber pendidikan yang dikhususkan kepada etnik Cina sahaja, malah dijadikan sebagai satu tempat pertukaran budaya antara di antara kaum. Ini adalah kerana pada masa kini, SJKC telah menjadi tarikan dan pilihan kepada etnik lain untuk mendapatkan pendidikan sekolah rendah untuk anak mereka.

Menurut Tan (2015) dalam kajian tinjauan di Kelantan terhadap 300 orang ibu bapa Melayu di 14 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Kajian ini telah meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa menghantar anak mereka ke SJKC. Kajian ini mendapati faktor utama yang mempengaruhi adalah untuk kelebihan dan pembentukan personaliti anak-anak mereka pada masa depan. Selain daripada itu, kualiti pendidikan, pentadbiran sekolah dan persekitaran pembelajaran sekolah juga menjadi faktor tarikan kepada ibu bapa. Ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka mempunyai masa depan yang lebih baik melalui pendidikan di sekolah Cina. Kenyataan kajian ini juga disokong oleh Ngien & Ching (2016) telah menjalankan kajian pembelajaran bahasa Cina di SJKC, yang mana pembelajaran bahasa Cina di SJKC adalah berbeza dengan pembelajaran bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan (SK). Bahasa Cina di SK adalah sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga, tetapi bahasa Cina di SJKC adalah bahasa utama dan juga bahasa penghantar di dalam pembelajaran. Kajian ini dijalankan bagi mencari faktor yang telah mendorong belajar di SJKC dari sudut pandangan murid dan juga ibu bapa. Faktor yang mendorong daripada pandangan murid ialah pentadbiran dan persekitaran di SJKC, sikap guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga faktor budaya dan masyarakat. Manakala pandangan daripada ibu bapa adalah disebabkan faktor keluarga yang berkahwin campur, faktor sekolah, faktor pendidikan dan juga faktor budaya dan masyarakat.

Selain daripada itu Tan, Ngu & Chew (2017) telah mengkaji perkembangan pendidikan Cina dan pertambahan murid bukan Cina di daerah Kuala Pilah. Kajian ini telah menyatakan tujuan utama ibu bapa Melayu menghantar anak mereka bersekolah di SJKC adalah kerana mahu anak mereka menguasai lebih dari satu bahasa serta mampu menguasai kemahiran aritmetik dengan baik. Selain daripada itu, ibu bapa berpendapat bahawa budaya pembelajaran di SJKC yang

tegas dapat mendidik disiplin murid dengan baik. Malah, guru dianggap sebagai tutor peribadi kepada murid bukan Cina juga menjadi salah satu tujuan ibu bapa menghantar anak mereka bersekolah di SJKC. Manakala kajian daripada Liong T.T et al. (2019) telah menyatakan faktor yang mempengaruhi ibu bapa bukan Cina menghantar anak ke sekolah SJKC adalah disebabkan oleh kualiti sekolah SJKC dan faktor persekitaran ekologi serta kepentingan menguasai bahasa Cina dalam era globalisasi.

Gan & Faridah Mydin Kutty (2023) menyatakan ibu bapa bukan berbangsa Cina memberi galakkan dan sokongan dalam menerokai persekolahan anak di prasekolah SJKC. Ini adalah kerana trend semasa menunjukkan bahawa bilangan murid bukan berbangsa Cina di SJKC telah berlaku peningkatan. Kajian ini telah melihat ibu bapa bukan berbangsa Cina turut terlibat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak, seperti menyediakan kemudahan pembelajaran, menyokong pembelajaran, memantau anak-anak, sentiasa berkerjasama dengan pihak sekolah dan memberi inspirasi serta motivasi kepada anak-anak. Justeru itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak adalah penting untuk meningkatkan motivasi anak-anak untuk belajar dan membantu perkembangan murid prasekolah SJKC.

Manakala, menurut Heng et al. (2021) di dalam kajiannya telah memilih 113 orang murid Melayu bagi mewakili ibu bapa di lima buah sekolah SJKC yang terpilih di daerah Klang untuk meneroka tarikan SJKC terhadap ibu bapa. Kajian ini telah menyatakan empat faktor yang menarik minat ibu bapa menghantar anak ke SJKC. Faktor yang pertama adalah disebabkan keinginan mahu anak menguasai lebih dari satu bahasa kerana menjadikan anak-anak mempunyai semangat daya saing yang tinggi. Faktor yang kedua ialah kualiti pendidikan di SJKC yang cemerlang dan kualiti guru di SJKC yang tegas dan rajin dalam menjalankan tugas juga menjadi tarikan kepada ibu bapa. Seterusnya faktor yang ketiga ialah sifat keterbukaan ibu bapa dalam menerima kepelbagaian etnik serta adat budaya yang berbeza dalam mengekalkan keharmonian dan semangat perpaduan yang tinggi. Faktor yang terakhir ialah faktor geografi yang mana daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk Cina yang lebih tinggi.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan. Kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bukan rawak yang melibatkan 100 orang ibu bapa. Pensampelan adalah ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Nilai iaitu SJKC Putra Nilai dan SJKC Kuo Min. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Manakala skala likert lima mata iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju digunakan untuk membuat pengukuran tahap persetujuan responden. Seramai 30 orang dipilih di dalam kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan setiap instrumen kajian. Hasil kajian rintis yang diperolehi daripada nilai Alpha Cronbach bagi soal selidik bahagian B adalah 1) faktor latar belakang=0.771, 2) faktor kelebihan SJKC=0.862, 3) Faktor ekonomi=0.737, 4) faktor kemudahan sekolah=0.928 5) faktor kebudayaan masyarakat=0.817. Data yang diperolehi melalui kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science (SPSS 29).

4. Dapatan Kajian

Data demografi yang diperoleh daripada responden mengandungi maklumat ibu bapa melibatkan jantina, umur, kelulusan, pekerjaan, bilangan anak dan pendapatan. Profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 100 orang ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Berdasarkan jadual 1 di bawah menunjukkan terdapat 13 orang responden lelaki bersamaan 13%. Manakala 87 orang responden bersamaan dengan 73% selebihnya adalah perempuan. Data ini menunjukkan kebanyak responden adalah dari kalangan ibu. Empat kategori data umur responden dalam kumpulan umur. Data kategori umur bawah 30 tahun adalah seramai lapan orang bersamaan lapan peratus, kategori umur 31 - 39 tahun adalah seramai 53 orang bersamaan 53%, kategori umur 40 -49 tahun adalah seramai 31 orang bersamaan 31% dan seterusnya kategori umur 50 tahun keatas adalah seramai lapan orang bersamaan lapan peratus. Seterusnya ialah enam kategori data dari kumpulan kelulusan akademik. Data kelulusan akademik kategori yang pertama ialah Sijil Kemahiran hanya terdapat satu orang responden sahaja bersamaan satu peratus, kategori kedua ialah Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) seramai 25 orang responden bersamaan dengan 25%, kategori yang ketiga ialah Diploma seramai 31 orang responden bersamaan dengan 31%, kategori yang keempat ialah Ijazah Sarjana Muda seramai 30 orang responden bersamaan dengan 30%, seterusnya kategori yang lima ialah Ijazah Sarjana seramai 12 orang responden bersamaan 12% dan yang terakhir ialah kategori PHD hanya terdapat satu orang responden sahaja bersamaan 1%.

Kumpulan pekerjaan mempunyai lima kategori iaitu seramai 19 orang responden bersamaan 19% adalah dari kategori kakitangan kerajaan. Manakala seramai 26 orang responden bersamaan 26% adalah dari kategori kakitangan swasta. Selain daripada itu, terdapat seramai 26 orang responden bersamaan 26% adalah daripada kategori ahli perniagaan, hanya dua orang responden bersamaan dua peratus daripada golongan pesara dan seterusnya seramai 25 orang responden bersamaan 25% adalah dari kategori lain-lain. Manakala data bilangan anak seperti jadual dibawah dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori yang pertama mewakili bilangan anak bawah tiga orang yang mempunyai seramai 76 responden bersamaan 76%, seterusnya seramai 20 orang responden bersamaan 20% mewakili kategori bilangan anak empat hingga ke lima orang, manakala hanya empat orang responden bersamaan empat peratus mewakili bilangan anak enam orang keatas. Akhir sekali melihat kepada data kumpulan pendapatan responden dibawah yang mempunyai lima kategori. Data telah menunjukkan terdapat 16 orang responden bersamaan 16% mewakili pendapatan kategori bawah RM2000. Kategori kedua yang mempunyai pendapatan sekitar RM2001 - RM4000 adalah seramai 27 orang responden bersamaan 27%. Manakala kategori mempunyai pendapatan sekitar RM4001 - RM6000 adalah seramai 21 orang responden bersamaan 21%. Data juga telah merekodkan seramai 21 orang responden bersamaan 21% yang mempunyai pendapatan sekitar RM6001 - RM8000. Selain daripada itu, kategori yang mempunyai pendapatan sebanyak RM8001 keatas telah merekodkan 20 orang responden bersamaan 20%.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Demografi	Kumpulan	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	13	13%
	Perempuan	87	87%
Umur	Bawah 30 tahun	8	8%
	31 - 39 tahun	53	53%
	40 - 49 tahun	31	31%
	50 tahun keatas	8	8%
Kelulusan	Sijil Kemahiran SPM	1	1%
	Diploma	25	25%
	Ijazah Sarjana Muda	31	31%
	Ijazah Sarjana	30	30%
	PHD	12	12%
		1	1%
Bilangan Anak	Bawah 3 orang	76	76%
	4 - 5 orang	20	20%
	6 orang keatas	4	4%
Pendapatan	Kurang dari RM2000	16	16%
	RM2001 - RM4000	27	27%
	RM4001 - RM6000	21	21%
	RM6001 - RM8000	16	16%
	RM8000 ke atas	20	20%

Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan ibu bapa Menghantar Anak Bersekolah Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Analisis Faktor Latar Belakang Keluarga

Jadual 2 di bawah menunjukkan analisis faktor latar belakang keluarga yang terdiri daripada lima konstruk item. Keputusan hasil analisis nilai skor min yang tertinggi adalah kerana keinginan diri sendiri (min=4.20 dan sp=0.86). Manakala skor min yang terendah ialah kerana perkahwinan campur ibu bapa dengan etnik Cina (min=2.26 dan sp=1.11). Selain daripada itu skor min bagi terdapat ahli keluarga saya yang mempunyai keturunan Cina (min=2.32 dan sp=1.28), ahli keluarga saya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina (min=2.72 dan sp=1.28) dan terpengaruh saranan rakan sekerja dan persekitaran (min=2.41 dan sp=1.03). Secara keseluruhan skor min faktor latar belakang berada pada tahap sederhana rendah (min=2.78 dan sp=0.64).

Jadual 2: Analisis Item Dalam Konstruk Faktor Latar Belakang Keluarga

	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1. Saya menghantar anak ke SJKC kerana saya adalah ibu bapa yang berkahwin campur dengan etnik Cina.	100	2.26	1.11	Sederhana Rendah
2. Saya menghantar anak ke SJKC kerana terdapat ahli keluarga saya yang mempunyai keturunan Cina.	100	2.32	1.09	Sederhana Rendah
3. Saya menghantar anak ke SJKC kerana terdapat ahli keluarga saya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina.	100	2.72	1.28	Sederhana Rendah
4. Saya menghantar anak ke SJKC kerana keinginan diri sendiri.	100	4.20	0.86	Tinggi
5. Saya menghantar anak ke SJKC kerana terpengaruh saranan rakan sekerja dan persekitaran.	100	2.41	1.03	Sederhana Rendah
JUMLAH		2.78	0.64	Sederhana Rendah

Faktor kelebihan SJKC

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis faktor kelebihan SJKC yang mempunyai lima konstruk item. Hasil analisis keatas faktor ini telah menunjukkan kelima-lima item mempunyai skor min yang tinggi. Kebolehan menguasai banyak bahasa memberikan kelebihan pada masa hadapan (min=4.65 dan sp=0.65), SJKC mampu melahirkan murid yang berdikari dan mempunyai pengalaman yang pelbagai (min=4.28 dan sp=0.81), SJKC mampu untuk meningkatkan kemahiran aritmetik (min=4.05 dan sp=0.88), sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC membantu anak saya dalam pelajaran (min=4.07 dan sp=0.79) dan sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC membantu anak saya membentuk disiplin diri yang baik (min=4.22 dan sp=0.83). Secara keseluruhan skor min faktor kelebihan SJKC berada pada tahap tinggi (min=4.25 dan sp=0.67).

Jadual 3: Analisis Item Dalam Konstruk Faktor Kelebihan SJKC

	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
6. Saya percaya kebolehan menguasai banyak bahasa memberikan kelebihan pada masa hadapan.	100	4.65	0.65	Tinggi
7. Saya percaya pendidikan di SJKC mampu melahirkan murid yang berdikari dan mempunyai pengalaman yang pelbagai.	100	4.28	0.81	Tinggi
8. Saya percaya menghantar anak ke SJKC mampu untuk meningkatkan kemahiran aritmetik.	100	4.05	0.88	Tinggi
9. Saya percaya sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC membantu anak saya dalam pelajaran.	100	4.07	0.79	Tinggi
10. Saya percaya sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC membantu anak saya membentuk disiplin diri yang baik.	100	4.22	0.83	Tinggi
JUMLAH		4.25	0.67	Tinggi

Faktor Ekonomi

Jadual 4 di bawah menunjukkan analisis faktor ekonomi yang mempunyai lima item. Keputusan hasil analisis mendapati nilai skor min yang tertinggi adalah kerana percaya peluang pekerjaan anak saya lebih luas pada masa hadapan (min=4.08 dan sp=0.96). Terdapat dua item berada pada tahap sederhana tinggi adalah pertumbuhan ekonomi China yang semakin meningkat (min=3.24 dan sp=0.95) dan dengan kebolehan berbahasa Cina mereka boleh meneroka peluang perniagaan di negara China dengan mudah (min=3.72 dan sp=1.01). Manakala dua lagi item berada pada tahap sederhana rendah iaitu item 12 (min=2.88 dan sp=1.07) dan item 13 (min=2.57 dan sp=0.96). Secara keseluruhan skor min faktor ekonomi berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.29 dan sp=0.70).

Jadual 4: Analisis Item dalam Konstruk Faktor Ekonomi

	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
11. Saya menghantar anak bersekolah di SJKC kerana pertumbuhan ekonomi China yang semakin meningkat	100	3.24	0.95	Sederhana Tinggi
12. Saya menghantar anak bersekolah di SJKC kerana keluarga saya mempunyai perniagaan yang sentiasa berhubungan dengan orang Cina	100	2.88	1.07	Sederhana Rendah
13. Saya menghantar anak saya ke SJKC kerana mengikuti trend global yang terkini.	100	2.57	0.96	Sederhana Rendah
14. Saya menghantar anak saya ke SJKC kerana saya percaya peluang pekerjaan anak saya lebih luas pada masa hadapan.	100	4.08	0.96	Tinggi
15. Saya menghantar anak ke SJKC kerana saya percaya dengan kebolehan berbahasa Cina mereka boleh meneroka peluang perniagaan di negara China dengan mudah.	100	3.72	1.01	Sederhana Tinggi
JUMLAH		3.29	0.70	Sederhana Tinggi

Faktor Kemudahan Sekolah

Jadual 5 di bawah menunjukkan analisis faktor kemudahan sekolah yang mempunyai lima konstruk item. Keputusan hasil analisis ini mempunyai interpretasi kadar tinggi dan sederhana tinggi. Skor min yang paling tinggi ialah sekolah mempunyai kemudahan dewan serbaguna yang selesa dalam menjalankan aktiviti sekolah (min=4.31 dan sp=0.72), diikuti oleh persekitaran sekolah sangat kondusif dan selamat (min=4.21 dan sp=0.75), sekolah mempunyai fasiliti sekolah yang lengkap bagi kemudahan murid (min=4.14 dan sp=0.80) dan sekolah mempunyai ruang yang mencukupi dalam melaksanakan aktiviti (min=4.06 dan sp=0.76). Manakala skor min yang mempunyai hasil tahap sederhana tinggi ialah sekolah mempunyai Smart Classroom bagi setiap kelas Tahap 1 (min=3.94 dan sp=0.83). Secara keseluruhan skor min faktor kemudahan sekolah berada pada tahap tinggi (min=4.13 dan sp=0.65).

Jadual 5: Analisis Item Dalam Konstruk Faktor Kemudahan Sekolah

	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
16. Persekitaran sekolah sangat kondusif dan selamat.	100	4.21	0.75	Tinggi
17. Sekolah mempunyai fasiliti sekolah yang lengkap bagi kemudahan murid.	100	4.14	0.80	Tinggi
18. Sekolah mempunyai kemudahan dewan serbaguna yang selesa dalam menjalankan aktiviti sekolah.	100	4.31	0.72	Tinggi
19. Sekolah mempunyai Smart Classroom bagi setiap kelas Tahap 1.	100	3.94	0.83	Sederhana Tinggi
20. Sekolah mempunyai ruang yang mencukupi dalam melaksanakan aktiviti.	100	4.06	0.76	Tinggi
JUMLAH		4.13	0.65	Tinggi

Faktor Kebudayaan Masyarakat

Jadual 6 di bawah menunjukkan analisis faktor kebudayaan masyarakat yang mempunyai lima konstruk item. Hasil analisis kelima lima item ini menunjukkan kesemuanya mempunyai kadar interpretasi yang tinggi. Skor min yang tertinggi ialah mahu meningkatkan tahap kemahiran bersosial anak dalam pelbagai kaum (min=4.28 dan sp=0.74), seterusnya diikuti mahu anak

saya memahami dan menghormati budaya, adat dan agama yang berbeza (min=4.24 dan sp=0.78). Selain daripada itu menghantar anak bersekolah di SJKC kerana memberi pendedahan awal kepada anak tentang Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum (min=4.24 dan sp=0.76). Manakala sokongan PIBG sekolah sangat kuat dan sentiasa memberikan kerjasama dengan baik terhadap sebarang aktiviti sekolah (min=4.20 dan sp=0.68), dan yang terakhir ialah pengaruh persekitaran di SJKC dapat meningkatkan sahsiah jati diri anak saya (min=4.05 dan sp=0.83). Secara keseluruhan skor min faktor kebudayaan masyarakat berada pada tahap tinggi (min=4.20 dan sp=0.66).

Jadual 6: Analisis Item Dalam Konstruk Faktor Kebudayaan Masyarakat

	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
21. Sokongan PIBG sekolah sangat kuat dan sentiasa memberikan kerjasama dengan baik terhadap sebarang aktiviti sekolah.	100	4.20	0.68	Tinggi
22. Saya menghantar anak bersekolah di SJKC kerana memberi pendedahan awal kepada anak tentang Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.	100	4.24	0.76	Tinggi
23. Saya mahu anak saya memahami dan menghormati budaya, adat dan agama yang berbeza.	100	4.24	0.78	Tinggi
24. Saya mahu meningkatkan tahap kemahiran bersosial anak dalam pelbagai kaum.	100	4.28	0.74	Tinggi
25. Pengaruh persekitaran di SJKC dapat meningkatkan sahsiah jati diri anak saya.	100	4.05	0.83	Tinggi
JUMLAH		4.20	0.66	Tinggi

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Faktor yang telah mempengaruhi keputusan ibu bapa dalam membuat pemilihan untuk menghantar anak bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ialah faktor kelebihan SJKC, faktor kemudahan sekolah dan faktor kebudayaan masyarakat. Dorongan yang telah menarik minat ibu bapa dalam faktor kelebihan bersekolah di SJKC adalah kerana anak dapat menguasai lebih daripada dua bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan dan juga Bahasa Inggeris. Anak yang mempunyai kelebihan menguasai tiga bahasa memberikan peluang yang cerah pada masa hadapan. Kenyataan ini turut disokong oleh kajian Liong et al. (2019) menyatakan bahawa anak-anak yang menguasai bahasa Cina akan dapat bersaing dengan lebih baik dalam menghadapi cabaran global. Ibu bapa percaya dengan berkebolehan menguasai bahasa Cina, anak-anak mampu mengukuhkan lagi daya saing ditempat kerja serta menerima lebih banyak tawaran pekerjaan dalam pelbagai bidang pada masa hadapan. Hal ini juga selari dengan dapatan kajian (Tan & Ngu, 2017; Zeng, 2017; Ngien & Ching, 2017; Heng, Neo & Chan, 2021) menyatakan bahawa ibu bapa menghantar anak bersekolah di SJKC kerana kualiti pendidikan yang lebih baik di SJKC. Ibu bapa percaya disiplin di SJKC lebih baik dalam membentuk keperibadian pelajar, guru lebih rajin serta mudah memupuk sikap belajar anak-anak. Tambahan pula sekolah SJKC mempunyai peraturan sekolah yang ketat serta sistem pentadbiran yang bersistematik.

Seterusnya melihat kepada faktor kemudahan sekolah SJKC yang menjadi salah satu faktor pilihan ibu bapa menghantar anak ke SJKC. Kemudahan yang disediakan di sekolah SJKC sangat lengkap, seperti dengan menyediakan dewan serbaguna serta mempunyai Smart Classroom dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Kenyataan ini disokong oleh kajian Ngien & Chin (2017); Liong et al. (2019) menyatakan bahawa pada era teknologi ini, teknik pembelajaran menggunakan multimedia bukan sahaja menarik minat pelajar malah boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Seiring dengan pendidikan

abad ke-21 penggunaan teknologi multimedia seperti Internet, peranti mudah alih dan pelbagai perisian di dalam dunia pendidikan akan mengembangkan kaedah pembelajaran yang lebih efektif. Kenyataan ini selari dengan kajian Rosdila Azwana (2022) menyatakan penggunaan multimedia di dalam pengajaran dan pembelajaran mampu menarik minat pelajar dan meningkatkan prestasi pembelajaran. Selain itu, persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat juga memberikan kekuatan dan dorongan kepada ibu bapa menghantar anak ke sekolah SJKC. Pembentukan emosi yang positif dalam diri pelajar dapat dibentuk dengan suasana persekitaran sekolah yang selamat dan juga mampu meningkatkan tahap kesejahteraan diri pelajar. Persekitaran sekolah yang kondusif juga memberikan impak yang positif terhadap prestasi pembelajaran. Sekolah selamat dan sejahtera menurut Marinah Awang dan Norhazwani Suyanto (2020) ialah suasana persekitaran sekolah yang selamat untuk menghasilkan pelajar yang produktif. Berdasarkan Model Sekolah Selamat KPM (2002), terdapat enam aspek keselamatan yang ditekankan pergerakan pelajar, keadaan sekolah, suasana pembelajaran, aktiviti kokurikulum, pengurusan sosial dan pengurusan bencana.

Manakala faktor kebudayaan masyarakat juga menjadi dorongan kepada ibu bapa untuk menghantar anak bersekolah di SJKC kerana ingin memberi pendedahan awal kepada anak-anak tentang masyarakat di Malaysia yang mempunyai berbilang kaum. Persekitaran dan pergaulan dengan rakan-rakan yang datang dari pelbagai latar belakang kaum akan mendidik anak-anak belajar tentang cara hormat menghormati di antara satu sama lain dari sudut agama, adat dan budaya. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengekalkan keharmonian sesebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Menurut Muhamad Syahman Mahdi et al. (2021) sebagai rakyat Malaysia yang telah mencapai kemerdekaan selama 66 tahun berpendapat bahawa masyarakat Malaysia perlu membentuk sebuah negara yang bersatu padu dan berpendirian teguh. Disamping itu, setiap kaum masyarakat di Malaysia seharusnya memahami dan mempelajari serta mengetahui identiti setiap kaum di negara ini bagi melahirkan sikap hormat menghormati dan tolak ansur diantara satu sama lain bagi membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni dan sejahtera.

Walaupun bagaimanapun antara dua faktor yang menjadi faktor sampingan ialah faktor ekonomi dan faktor latar belakang keluarga. Ibu bapa kaum Melayu bukan sahaja melihat kepada faktor ekonomi semata-mata tetapi memfokuskan kepada peluang pekerjaan anak-anak pada masa hadapan. Kenyataan ini selari dengan kenyataan kajian Tan & Ngu (2017) penguasaan lebih dari satu bahasa seperti menguasai bahasa Cina serta berkebolehan yang baik dalam kemahiran Aritmetik memberikan peluang serta meningkatkan peluang pekerjaan. Manakala dari sudut faktor latar belakang, ibu bapa lebih terjerumus kepada keinginan diri sendiri dalam pemilihan sekolah SJKC kepada anak-anak.

Kesimpulannya ialah ibu bapa mempunyai pelbagai faktor yang menarik serta mendorong dalam membuat pilihan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebagai sekolah kepada anak. Antaranya ialah faktor latar belakang, faktor kelebihan SJKC, faktor ekonomi, faktor kemudahan sekolah dan faktor kebudayaan masyarakat. Faktor yang paling mempengaruhi pemilihan ibubapa ialah faktor kelebihan SJKC, faktor kemudahan sekolah dan faktor kebudayaan masyarakat. Ibu bapa mempunyai hak dan matlamat yang tersendiri dalam memilih dan memberikan pendidikan yang terbaik demi masa depan anak yang berkualiti.

Rujukan

- Adam, S.D.S., Othman, I.W., Hamid, J.A., Esa, M.S., Ationg, R., Lokin, S.A., & Tamring, B.A.M. (2021). Pengaruh pendidikan dalam kepelbagaian etnik sebelum dan selepas merdeka di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(23), 68-84.
- Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Tang Abdullah. (2023). Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2).
- Doreen & Shahlan. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*, 6(12),137-157).
- Gan Jin Wan & Faridah Mydin Kutty. 2023. Peranan Ibu Bapa Bukan Berbangsa Cina dalam Memupuk Motivasi Belajar Anak di Prasekolah SJKC. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3).
- Heng Buai Chin, Neo Yee Feng & Chan Jie Yan. (2021). Investigating the Attributes of Chinese Primary School Adoption among the Malay Community in Malaysia. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 151-164.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Kenyataan Media Bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia.
- Liong Teen Teen, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad. (2019). Factors Influencing Non-Chinese Parents Decision in Choosing National-Type Chinese Primary School (Sjkc). *Social Sciences, Education and Humanities*, 2.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Bilangan sekolah rendah dan menengah mengikut jenis sekolah, lokasi dan kategori di Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Statistik bilangan sekolah, murid & guru 2020.
- Marinah Awang & Norhazwani Suyanto. (2020). Pendekatan Keselamatan dan Kesejahteraan Pelajar untuk Sekolah-Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7(1), 139 - 153.
- Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2021). Strategi pemantapan perpaduan menerusi animasi Upin & Ipin.GEOGRAFIA OnlineTM *Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2) 366-374.
- Muhamad Shafiq & Noraini. (2018). Mengenalpasti Faktor-Faktor Yang mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial*, 7, 77-87.
- Ngien Ming Ming & Ching Thing Ho. (2016). Learning Chinese language in SJK(C): A case study of Bumiputera students in Sarawak. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 4(1).
- Rosdila Azwana Binti Abdullah. (2022). Penggunaan Aplikasi Tiktok Sebagai Satu Elemen Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Tingkatan 3 Untuk Meningkatkan Minat Dan Prestasi Murid Bagi Tajuk Sistem Respirasi. *Jurnal Penyelidikan MUADDIB* 16, 26-34.
- Su H.T & Diana P.Y.L. (2019). Determinants of Primary School Choice in Malaysia: School Proximity and Ethnicity. *Journal of School Choice International Research and Reform*: 1-27.
- Tan, J.Y.Y. (2015). Malay parents' perspective on admission of their children to Chinese primary school in Kelantan, Malaysia. *Journal of Arts, Science & Commerce*, Vol. VI, Issue 1, 26-30.

- TAN Yong Ling & NGU Ik Tien. (2017). Fenomena Pertambahan Murid Bukan Cina di Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 5(1).
- Zeng, B.H. (2017). *The Impacts of The Non-Ethnic Chinese in Chinese Primary Schools (SJK(C)Ping Min*. Degree Dissertation, Universiti Tunku Abdul Rahman.